

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN BAKAT PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3100-24-feb-18-mesyuarat-agung-tahunan-bakat-pangkalan-udara-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3100-24-feb-18-mesyuarat-agung-tahunan-bakat-pangkalan-udara-butterworth)

BUTTERWORTH, 24 Feb 18 - Mesyuarat Agong Tahunan BAKAT bagi Pangkalan Udara Butterworth telah dirasmikan oleh Pemangku Komander Pangkalan, YBhg Kol Amer Mahmud bin Abdul Rahman TUDM yang turut dihadiri oleh Pegawai Memerintah/Ketua Cawang.



Mesyuarat Agong Tahunan pada kali ini telah melibatkan seramai 580 orang ahli BAKAT yang dipengerusikan oleh Pengerusi BAKAT Pangkalan Udara Butterworth, Puan Nur Shahidaa binti Abdullah.



Mesyuarat dimulakan dengan kata-kata aluan Pengerusi BAKAT seterusnya membenteng dan meluluskan minit mesyuarat 2017, membenteng laporan ketua-ketua BIRO 2017, pembenteng Kewangan 2017 oleh Bendahari diikuti pembubaran AJK lama dan perlantikan AJK baru. Mesyuarat diteruskan lagi dengan sesi dialog dan diakhiri penyampaian sijil kepada ketua-ketua BIRO 2017 serta sesi bergambar.



